

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 4/2009**

#### **PELUPUSAN CUKAI TANAH TERTUNGGAK BAGI TANAH LAPANG KEGUNAAN AWAM YANG HENDAK DISERAH BALIK DI BAWAH SEKSYEN 197 KANUN TANAH NEGARA 1965**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui persidangan kali ke 7/2009 pada 8 April 2009 dalam menimbang Kertas BIL. 7/678/2009(60) telah meluluskan cadangan melupuskan cukai tanah tertunggak bagi tanah lapang kegunaan awam yang hendak diserahkan balik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965.

2. Cadangan tersebut diluluskan memandangkan terdapat pemilik tanah yang tidak dapat menjelaskan keseluruhan tunggakan cukai tanah bagi tanah lapang kegunaan awam yang perlu diserahkan balik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965. Dalam hal ini, tindakan perampasan tanah di bawah Seksyen 97 dan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara kurang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut kerana melibatkan prosedur yang rumitkan dan mengambil masa yang lama untuk mengembalikan tanah lapang berkenaan menjadi tanah kerajaan.

3. Bagi tujuan ini, Pengarah Tanah dan Galian Kelantan telah diberi kebenaran untuk melupuskan cukai tanah tertunggak bagi tanah lapang kegunaan awam yang hendak diserahkan balik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965 selaras dengan peruntukan Kaedah 16(2), Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.

4. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengangkat permohonan serahbalik tanah lapang di bawah Seksyen berkenaan kepada Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan untuk kelulusan cukai tanah tertunggak. Seterusnya, Pentadbir Tanah hendaklah mengemaskini maklumat dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan Sistem Pungutan Hasil Tanah Berkomputer (SPHTB) setelah kelulusan diberikan.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

.....**t.t.**.....  
(HJ. ISMAIL BIN HJ. SAMAH)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**KEPADA:**

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YBrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3 (4)  
BERTARIKH : 20 JAMADILAKHIR 1430 HIJRAH  
14 JUN 2009**